



MENGENAL PASTI POTENSI BAHAYA BIOLOGI MENGIKUT SITUASI

Jenis Bahaya Biologi	Potensi Bahaya
TUMBUHAN	
VIRUS	
BAKTERIA	
FUNGI	
HAIWAN	

Pilihan Jawapan

Serangga hidup atau haiwan yang digunakan dalam eksperimen boleh menggigit atau mengeluarkan toksin yang boleh menyebabkan reaksi alergi atau iritasi kulit.

Sampel tisu haiwan yang digunakan untuk kajian mungkin mengandungi virus laten, seperti virus herpes atau rabies, yang berpotensi menjangkiti pelajar jika tidak dikendalikan dengan betul.

Spora daripada eksperimen pertumbuhan kulat di atas roti boleh meningkatkan risiko alergi atau jangkitan pernafasan melalui udara kepada individu yang sensitif.

Tumbuhan beracun seperti pokok keladi tikus yang digunakan untuk demonstrasi boleh menyebabkan kerengsaan kulit atau keracunan jika disentuh atau tertelan secara tidak sengaja.

Tabung uji yang mengandungi bakteria tidak dibasmi kuman dengan betul sebelum dibuang, boleh menyebabkan penyebaran bakteria berbahaya.